

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(II)12**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN JAWI  
YB. H'NG MOOI LYE**

12. Masalah gangguan kera/monyet semakin serius di kawasan kediaman DUN JAWI sejak tahun 2017.
- (a) Adakah Jabatan Perhilitan Negeri serta agensi lain membuat sesuatu dalam hal ini bagi mengurangkan gangguan kera/monyet ini?
  - (b) Minta memberi statistik tangkapan kera/monyet yang telah dilakukan oleh Jabatan Perhilitan Negeri sejak tahun 2017 di DUN Jawi.

**YB. PHEE BOON POH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

12. (a) Jabatan PERHILITAN Pulau Pinang dari semasa ke semasa telah menjalankan tindakan bagi setiap aduan di Pulau Pinang secara amnya dan khususnya di KADUN Jawi. Pemasangan perangkap juga telah dan akan dilaksanakan di lokasi yang bersesuaian bagi tujuan tangkapan. Sehingga kini, satu (1) perangkap telah dipasang di Taman Desa Jawi, Sungai Jawi, pada 18 Julai 2018. Selain itu, pihak Jabatan PERHILITAN Pulau Pinang akan menjalankan Ops Basmi Musuh Tanaman bagi spesies Kera *Macaca Fascicularis* pada Ogos 2018 di sekitar kawasan yang dikenal pasti di KADUN Jawi.
- (b) Berdasarkan rekod Jabatan PERHILITAN Pulau Pinang, terdapat enam (6) aduan bagi tahun 2017 dan dua (2)

aduan bagi tahun 2018 (sehingga Jun 2018) bagi spesies Kera *Macaca Fascicularis*. Pihak PERHILITAN Pulau Pinang telah membuat tangkapan dan penakaian melibatkan 23 ekor Kera *Macaca Fascicularis* bagi aduan dari Januari 2017 hingga Jun 2018. Tindakan penakaian merupakan salah satu kaedah yang diamalkan dalam pengurusan hidupan liar bagi mengawal limpahan populasi yang boleh mendatangkan kemusnahan, gangguan konflik dan penyakit. Kaedah yang digunakan ialah tangkap hapus dan tembak mati.

Selain itu, Jabatan PERHILITAN Pulau Pinang juga telah menjalankan “Ops Bersepadu Basmi Musuh Tanaman” melibatkan spesies Kera *Macaca Fascicularis* pada 21 Mac 2018 di KADUN Jawi bagi mengurangkan kacau ganggu terhadap tanaman dan masyarakat setempat. Sebanyak 75 ekor Kera *Macaca Fascicularis* telah ditakai secara tembak mati semasa operasi tersebut.